



KEDUDUKAN KAEDAH *TALQAHU UMMAH BIL-QABŪL* DALAM KRITIKAN HADIS : PERSPEKTIF SYEIKH ABDUL FATTAH ABU GHUDDAH

(The Status of the Method *Talqī al-Nāṣ bi al-Qabūl* in Hadith Criticism: The Perspective of Shaykh
‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah)

Muhammad Zubair Abd Halim¹, Muhammad Arif Yahya²

^{1,2} Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

The classification of hadith has long been a subject of scholarly debate, particularly with regard to the methodological principles employed in determining its authoritative status. One of the methods invoked to elevate the rank of a hadith is *talqī al-nāṣ bi al-qabūl*, a concept referring to the widespread acceptance of a hadith by scholars and the Muslim community across generations. This method has generated considerable discussion among hadith scholars, as it introduces collective scholarly reception as a determinant of hadith status, even in cases where weaknesses are identified in the chain of transmission (*isnād*). Shaykh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, a prominent contemporary hadith scholar, maintains that sustained scholarly acceptance of a hadith may constitute valid grounds for enhancing its status, in line with the methodological approach of certain classical scholars. Nevertheless, this position has elicited divergent responses from other hadith scholars who prioritize rigorous analysis of the *isnād* and textual content (*matn*) as the primary criteria for hadith authentication. Accordingly, this study aims to examine the conceptual framework of the *talqī al-nāṣ bi al-qabūl* method and its implications for hadith criticism from the perspective of Shaykh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Employing a qualitative research design, the study undertakes document analysis of his principal works, particularly those related to the sciences of hadith. In addition, it explores the views of both classical and contemporary scholars regarding the effectiveness of this method in elevating the status of hadith. The findings indicate that *talqī al-nāṣ bi al-qabūl* functions as a supporting factor in assessing hadith status rather than serving as an independent or exclusive criterion for establishing authenticity. It is hoped that this study will contribute to a clearer understanding of the methodological standing of *talqī al-nāṣ bi al-qabūl* within hadith studies and its implications for hadith authentication methodologies among Muslim scholars.

Keywords: *Talqahu al-nās bil-qabūl*, hadis, kritikan hadis, Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, metodologi hadis.

Article Progress

Received: 5 August 2025
Revised: 10 November 2025
Accepted: 30 November 2025

*Corresponding Author:
Muhammad Arif Yahya.
Pusat Kajian Usuluddin &
Falsafah, Fakulti Pengajian
Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia.

Email:
arifyahya@ukm.edu.my

PENDAHULUAN

Ilmu Hadis merupakan sumber utama dalam perundangan Islam selepas Quran. Namun, status sesuatu hadis sering menjadi perdebatan dalam kalangan ulama hadis, khususnya dalam menentukan sama ada sesebuah riwayat boleh diterima sebagai hujah atau tidak. Dalam bidang kritikan hadis, kaedah *talqahu al-nās bil-qabūl* sering dikemukakan sebagai justifikasi dalam menaik taraf darjat sesuatu hadis. Kaedah ini merujuk kepada penerimaan sesuatu hadis secara meluas oleh ulama dan umat Islam, yang kemudiannya dijadikan asas untuk mengukuhkan kedudukan hadis tersebut dalam diskusi ilmu. Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, seorang tokoh hadis abad ke-20, memberikan perhatian khusus terhadap kaedah ini dalam menilai status hadis. Beliau menegaskan bahawa penerimaan hadis oleh ulama secara turun-temurun boleh menjadi faktor yang mengangkat darjat sesuatu hadis, meskipun sanadnya mungkin mengalami kelemahan teknikal. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ahli hadis mengenai sejauh mana kaedah ini boleh dijadikan sandaran dalam menentukan

kesahihan atau kekuatan hadis. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada kaedah *talqahu al-nās bil-qabūl* boleh dianggap sebagai satu mekanisme yang sah dalam menaik taraf hadis yang dhaif atau apakah ia hanya berperanan sebagai faktor sampingan dalam penilaian hadis. Justeru, artikel ini bertujuan untuk:

1. Menganalisis konsep kaedah *talqahu al-nās bil-qabūl* dalam ilmu hadis;
2. Mengkaji aplikasi kaedah ini dalam menaik taraf darjat hadis menurut perspektif Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah;
3. Menilai sejauh mana kaedah ini diterima dalam kalangan ulama hadis klasik dan kontemporari.

Kajian ini diharap dapat memberikan pencerahan terhadap peranan kaedah *talqahu al-nās bil-qabūl* dalam kritikan hadis serta implikasinya terhadap pemahaman dan penerimaan hadis dalam kalangan ilmuwan Islam.

Syeikh Abdul Fattah Abu Ghuddah dan Ketokohan dalam Ilmu Hadis

Nama penuh beliau ialah Abu Zahid Abd al-Fattah ibn Muhammad ibn Basyir ibn Hasan Abu Ghuddah al-Halabi al-Hanafi.¹ Gelaran Abu Ghuddah adalah gelaran keluarga beliau yang merupakan cabang daripada keluarga yang berada di bawah jalur keturunan Sayidina Khalid Ibn al-Walid r.a.² Beliau dianggap sebagai ilmuan yang menguasai pelbagai bidang menjangkau bidang hadis, dakwah, syariah, politik, dan perundangan.³ Karya-karya yang dihasilkan oleh Syeikh Abu Ghuddah majoritinya adalah di dalam bidang hadis. Walaupun begitu, sebahagian besar karya beliau adalah khidmat kepada karya-karya para ulama hadis yang lain dan bukan daripada penulisan beliau sendiri. Karya-karya tulisan beliau yang berhubung dengan ilmu hadis adalah :

1. *Mas'alah Khalq al-Qur'an wa Atharuha fi Sufuf al-Ruwah wa al-Muhaddithin wa Kutub al-Jarh wa al-Ta'dil.*
2. *Lamahat min Tarikh al-Sunnah wa 'Ulum al-Hadith.*
3. *Tartib Takhrij Ahadith al-Ihya'* oleh al-Hafiz al-'Iraqi.
4. *al-Jam' wa al-Tartib li Ahadith Tarikh al-Khatib.*
5. *Umara' al-Mu'minin fi al-Hadith.*
6. *al-Isnad min al-Din.*
7. *Safhah Musyriqah min Tarikh Sama'ah al-Hadith 'ind al-Muhaddithin.*
8. *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa Bayan Madluliha al-Syar'i, wa al-Ta'rif bi Hal Sunan al-Daraqutni.*
9. *Tahqiq Ismay al-Sahihayn wa Ism Jami' al-Tirmidhi.*
10. *Khutbah al-Hajah Laysat Sunnah fi Mustahal al-Kutub wa al-Mu'allafat.*

Manakala karya beliau yang merupakan usaha Tahkik kepada karya para ulama hadis yang lainnya pula berjumlah 33 buah. Walaupun lebih banyak karya Tahkik yang diusahakan oleh Syeikh Abdul Fattah, namun hasil daripada tulisan dan tahkik ini menunjukkan penguasaan beliau yang baik terhadap ilmu ini.

Pengenalan Risalah *Wujub al-'Amal Bi al-Hadis al-Daif Iza Talqa al-Nas Bi al-Qabul Wa Amalu Bi Madlulihi Wayakunu Zalika Tashihan Lahu*

Risalah ini adalah merupakan salah satu risalah yang digabungkan oleh Syeikh Abd al-Fattah Abu Ghuddah di dalam kitab beliau *al-Ajwibah al-Fadilah li al-As'ilah al-'Asyrah al-Kamilah li al-Imam Abi al-Hasanat al-Laknawi*. Syeikh Abu Ghuddah memiliki hubungan yang sangat erat dengan karya-

¹ Mahmud Sa'id Mamduh (2009), *al-Syaza al-Fawwah min Akhbar al-Syeikh 'Abd al-Fattah*, Kaherah : Dar al-Basair, hlm. 11.

² Mahmud Sa'id Mamduh (2009), *al-Syaza al-Fawwah min Akhbar al-Syeikh 'Abd al-Fattah*, Kaherah : Dar al-Basair, hlm. 11. Mohd. Khafidz Soroni (2013). *Pemikiran dan Kritikan Syeikh 'Abd Al-Fattah Abu Ghuddah Dalam Beberapa Isu 'Ulum Al-Hadith*. *Fitrah Islami Online*, 48

³ Yusuf al-Qaradawi (2019), *Abd al-Fattah Abu Ghuddah* : Allamah al-Hadith wa al-Fiqh wa al-Lughah wa al-Da'wah, <https://iumsonline.org/ar/ContentDetails.aspx?ID=9622>.

karya seorang ulama hadis terkemuka dari aliran Deobandi, iaitu Imam Abdul Hay al-Laknawi. Beliau telah melakukan Tahkik terhadap hampir kesemua karya Imam al-Laknawi dalam bidang hadis. Alasan di sebalik tindakan beliau ini dapat ditemukan dalam setiap Tahkik yang dilakukan terhadap karya-karya Imam al-Laknawi, di mana beliau selalu memulakan bukunya dengan ucapan :

“Ini adalah hadiah yang aku persembahkan kepada al-Marhum Guruku Al-Muhaqqiq, al-Hujjah, al-Muhaddis, al-Faqih, al-Usuli, al-Mutakallim, an-Nazzar, al-Muarrikh, an-Nuqqad Imam Muhammad Zahid al-Kausari yang telah berwasiat kepada ku, dan mendesak ku untuk memberi perhatian kepada kitab-kitab al-Imam al-Laknawi. Semoga Allah swt merahmati mereka berdua”.⁴

Di antara ciri khas Syeikh Abu Ghuddah adalah, beliau akan menggabungkan risalah-risalah tersebut ke dalam percetakan kitab yang ditahkik. Perkara ini dapat dilihat pada kitab beliau *Qimah al-Zaman Inda al-Ulama*, pada cetakan ke 3, beliau telah memasukkan risalah bertajuk, *Abyatun Nafizaton Min Zuhur al-Kitab*. Dalam tahkik beliau kepada kitab *Al-Imam Ibnu Majah wa Kitabuhu al-Sunan* karangan al-Nukmani, beliau telah memasukkan risalah yang mengkritik Syeikh al-Albani di dalam beberapa masalah. Begitu juga di dalam tahkik beliau kepada kitab *al-Intiqā* karangan Imam Ibnu Abd al-Bar, beliau telah memasukkan Risalah bertajuk, *Haul al-Subut Lafz ‘Amra dinina’ fi al-Hadis Tajdid al-Din*. Maka di dalam Tahkik kepada kitab *al-Ajwibah al-Fadilah* karangan Imam Al-Laknawi, Syeikh Abu Ghuddah telah memasukkan risalah yang bertajuk *Wujub al-Amal Bi Hadis ad-Daif Iza Talqahu Nas Bil Qubul Wa Amalu Bi Madlulihi Wayakunu Zalika Tashihan Lahu*. Risalah ini sebenarnya adalah ringkasan dan syarahan beliau kepada jawapan Syekh Hussain bin Muhsin al-Ansari yang menjawab tentang komentar yang selalu digunakan oleh Imam al-Tirmizi di dalam kitab Jami’nya *“hadis ini dinilai sebagai hadis yang daif, tetapi ahli ilmu sepakat mengamalkannya” - bagaimana ahli ilmu dapat mengamalkan hadis itu sebagai sumber hukum sedang hadis tersebut dinilai sebagai daif?”*.

Talqa An-Nas Bil-Qabul Di Dalam Karya Para Ulama

Rasulullah SAW meninggalkan dua sumber utama panduan umat Islam, iaitu al-Quran dan Sunnah yang terkandung dalam Hadis. Al-Quran akan sentiasa terpelihara daripada penyelewengan, sementara pemeliharaan Hadis telah menjadi tanggungjawab umat Islam. Sejak lebih 1400 tahun lalu, ulama telah mencurahkan usaha dan dedikasi mereka untuk memastikan hadis-hadis Rasulullah SAW terhindar daripada penyelewengan. Salah satu langkah signifikan yang dilakukan oleh para ulama ialah menetapkan status-status tertentu terhadap hadis-hadis yang disandarkan kepada Rasulullah SAW. Usaha ini berkembang menjadi cabang ilmu yang dikenali sebagai Ilmu Mustalah Hadis.⁵

Di antara istilah yang digunakan oleh para ulama dalam memberikan komen terhadap hadis adalah *talqahu al-nās bil-qabūl*. Istilah ini sering dirujuk oleh ulama ketika memberikan penilaian terhadap hadis-hadis Rasulullah SAW. Penggunaan istilah ini tidak terbatas kepada kitab-kitab hadis sahaja, tetapi turut diaplikasikan dalam diskusi-diskusi fiqh dan usul. Para ulama fiqh terutamanya dari mazhab Hanafi, telah menggunakan istilah ini secara meluas di dalam kitab-kitab mereka untuk menggambarkan hadis yang masyhur dan dapat digunakan sebagai asas dalam menetapkan hukum. Bahkan mereka menganggap statusnya sama dengan hadis *Mutawatir*. Maka sebuah hadis ahad, apabila memiliki sifat *talqahu al-nās bil-qabūl*, maka hadis itu sama kedudukannya dengan hadis *Mutawatir*, yang boleh diamalkan dan menghasilkan *Ilmu Yakin*, namun melalui jalan *Istidlal* bukan *Daruri*.⁶

Begitu pula istilah ini digunakan oleh para ulama di dalam kitab-kitab usul fiqh. Bahkan makna istilah ini telah pun digunakan di dalam perbincangan usul fiqh seawal kitab-kitab Imam Syafie lagi. Kerana itulah Imam Zarkashi (794H) ketika membincangkan tentang *talqahu al-nās bil-qabūl* di dalam kitabnya *al-Nukat ala Muqaddimah Ibnu Solah* menyatakan bahawa hadis *“Tidak ada wasiat lagi kepada ahli waris”* adalah tidak disabitkan oleh ahli hadis, akan tetapi kebanyakan mereka telah

⁴ Abd Fattah Abu Ghuddah (2009). *At-Ta’liqat Al-Hafilah Ala Al-Ajwibah Al-Fadilah*. Syira: Dar As-salam. 3

⁵ Mahmud al-Tahhan (2002), *Taysir Mustolah al-Hadith*, Pakistan: Maktabah Al-Haramain, 9

⁶ Eymen Receb (2020) Ma Talaqqathu al-Ummah bi al-Qabul. *Islam Hukuku Araştırmaları Dergisi*, *Journal of Islamic Law Studies* (36), 109.

Talaqqahu bil-qabul dan beramal dengannya, sehingga dianggap hadis ini sebagai *Nasikh* kepada ayat al-Quran yang membolehkan wasiat kepada ahli waris.⁷

Begitu jugalah istilah ini telah digunakan secara meluas di dalam kitab-kitab hadis, ketika para ulama meletakkan catatan kepada sesebuah hadis. Antaranya adalah yang digunakan oleh Imam Ahmad ketika memberikan komen terhadap hadis berkaitan zakat yang diriwayatkan oleh Hakim bin Jabir yang beliau sendiri melemahkannya. Ketika ditanya beliau menjawab: “*Hadis ini dapat diamalkan iaitu hadis ini bertepatan dengan amalan ahli uruf*”.⁸ Imam Abu Bakar al-Khallal di dalam kitabnya *al-Sunnah* membawa riwayat Abu Abdullah bin Abdul Nur yang berkata tentang hadis Arasy, Para ulama telah *Talaqqa Bil-Qabul* terhadap hadis ini.⁹

Makna *Talqahu al-Nas Bil-Qabul*

Istilah *Talqahu Nas Bil-Qabul* telah digunakan dalam karya-karya para ulama hadis sejak awal kemunculannya. Namun, persoalan yang timbul ialah walaupun istilah ini sering ditemukan dalam kitab-kitab hadis, tidak terdapat perbincangan khusus mengenai definisi dan penjelasan istilah ini dalam kitab-kitab Mustalah Hadis¹⁰. Selain itu, istilah *Talqahu Nas Bil-Qabul* tidak dimasukkan sebagai salah satu kategori status hadis dalam Mustalah Hadis. Bahkan, istilah ini kerap kali digunakan terhadap hadis-hadis yang memiliki kecacatan tertentu, sehingga menyebabkan hadis tersebut ditolak berdasarkan kaedah para muhaddisin. Namun, dengan penyertaan istilah *Talqahu Nas Bil-Qabul*, seolah-olah status hadis tersebut mendapat justifikasi untuk diterima.

Hal ini menimbulkan persoalan penting: Apakah *Talqahu Nas Bil-Qabul* sebenarnya merupakan istilah untuk menunjukkan status hadis yang maqbul (diterima), atautkah ia merujuk kepada suatu “ruang kosong” yang tidak tercakup dalam kaedah-kaedah yang telah dirumuskan oleh Mustalah Hadis? Kajian akan mulakan dengan membincangkan tentang makna istilah *Talqahu Nas Bil-Qabul* yang cuba diberikan oleh beberapa tokoh,

Makna *Talqahu Nas Bil-Qabul* dari segi bahasa adalah penerimaan umum terhadap sesuatu perkara. Manakala maknanya pada istilah yang digunakan oleh para ulama, tidak pernah dibincangkan secara khusus di era awal penggunaannya. Di antara ulama yang paling awal mencuba memberikan penjelasan kepada istilah ini adalah Imam as-Sona’ni di dalam kitabnya *Taudih al-Afkar* yang mana beliau menjelaskan: “Ketahuilah bahawa makna *Talqa Ummah lil hadis bil-qabul* adalah reaksi para ulama kepada hadis tersebut adalah mereka mengamalkan hadis tersebut atau sekurang-kurangnya mereka mentakwilkannya.

Imam al-Syaukani juga menjelaskan di dalam kitabnya *Irsyad al-Fuhul* “Begitu juga khabar ahad sekiranya telah *Talqa Ummah Bil Qabul* lalu reaksi mereka adalah sama ada mereka mengamalkannya atau mereka mentakwilkannya. Termasuk daripada jenis hadis ini adalah hadis-hadis di dalam kitab Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Kerana umat islam telah menerima secara umum apa yang terkandung di dalam kedua-dua kitab tersebut. Jika ada mereka yang tidak mengamalkan sebahagian daripada hadis yang terkandung di dalamnya, mereka tetap akan memberikan penakwilan. Dan memerikan penakwilan juga adalah sebahagian daripada tanda penerimaan.”¹¹

Wadihah Abdul Hadi (2018) mengatakan bahawa istilah ini digunakan oleh para ulama dengan tiga makna.

- **Pertama** dengan makna telah berlaku kesepakatan ahli ilmu untuk menerima hadis ini. Iaitu istilah ini digunakan untuk mengisytarkan kepada sebuah bukti tambahan kepada kesahihan sebuah hadis yang telah pun dinilai sebagai sahih. Makna ini sering digunakan oleh para ulama ketika mensifatkan kitab sahih Bukhari dan sahih Muslim untuk menunjukkan bahawa tahap kesahihan kedua kitab sahih itu bertambah kuat kerana telah berlaku *Talqahu Nas Bil-Qabul* padanya.

⁷ Az-Zarkashi (1998) *al-Nukat ‘ala Muqaddimah Ibn Solah*. Saudi: Adwa as-Salaf, 1/494

⁸ Abdullah bin Ahmad (1981). *Masail Al-Imam Ahmad bin Hambal Riwayatu Ibnihi*. Lubnan: Al-Maktabah Al-Islami. 154

⁹ Al-Khallal (1989). *Kitab al-Sunnah*. Saudi: Dar ar-Rayah, 1/233

¹⁰ Muhammad Al-Mufti (2017). *Mafhum Talaqqa Ummah Bil Qabul Fi Naqdi Hadisi. Majallah Jamiah As-Syariqah*. 242

¹¹ Muhammad al-Mufti (2017). *Mafhum Talaqqa Ummah Bil Qabul Fi Naqdi Hadisi. Majallah Jamiah As-Syariqah*. 246

- **Kedua** istilah ini digunakan untuk makna, telah berlakunya pengamalan terhadap sesebuah hadis daif. Beliau telah bawakan contoh reaksi imam as-Syafie ketika membincangkan hadis wasiat kepada ahli waris, yang mana Imam as-Syafie telah mengisytarkan bahawa hadis ini telah diamalkan dan disampaikan oleh para ulama fiqah dan para perawi hadis, walaupun hadis ini dinilai daif.
- Ketiga adalah istilah ini digunakan semata-mata untuk menunjukkan kemasyhuran dan diambil manfaatnya sesebuah hadis oleh para ulama.¹²

Ketiga-tiga makna ini secara tidak langsung sebenarnya menunjukkan bahawa istilah ini digunakan oleh para ulama terhadap sesebuah hadis, apabila hadis itu memang diterima oleh ulama tersebut. Kerana, apabila riaksi para ulama hadis terhadap sesebuah hadis itu adalah mengamalkan hadis tersebut, atau memberikan penakwilan terhadap hadis tersebut, maka ini menunjukkan hadis tersebut adalah hadis yang diterima pengisbatan makna hadis tersebut kepada Rasulullah s.a.w. Ini kerana menjadi tradisi para ulama hadis, mereka tidak akan memberikan penakwilan, atau bahkan mengamalkan hadis-hadis yang tidak sabit maknanya kepada Rasulullah s.a.w.

Oleh sebab itu, Muhammad al-Mufti (2017) menegaskan bahawa definisi yang paling tepat bagi istilah *Talqahu Nas Bil-Qabul* adalah:

(هو اطمئنان القلب وسكون النفس لدى أهل العلم للأخذ بالحديث والتسليم به عملاً أو تأويلاً)

Maksudnya, hadis yang diterima oleh para ahli ilmu dengan hati yang teguh dan jiwa yang tenang, sama ada untuk diamalkan atau ditakwilkan.

Dalam definisi ini, beliau menetapkan “keteguhan hati dan ketenangan jiwa” sebagai kriteria utama bagi hadis yang dinilai dengan *Talqahu Nas Bil-Qabul*. Namun, pendekatan ini menimbulkan persoalan, kerana keteguhan hati dan ketenangan jiwa bersifat subjektif dan dapat berbeza antara individu. Sesuatu yang menenangkan jiwa seseorang mungkin tidak memberikan kesan yang sama kepada orang lain. Walaupun demikian, secara umum, tetap ada ruang emosi dan sentimen yang dikongsi oleh majoriti manusia.

Penggunaan aspek “perbuatan hati” sebagai teras dalam suatu definisi sebenarnya bukanlah hal yang asing dalam tradisi keilmuan Islam. Misalnya, para ulama mendefinisikan konsep ‘uruf sebagai perkara yang jiwa merasa tenang dengannya, dengan sokongan akal dan penerimaan tabiat manusia terhadapnya¹³. Bahkan, Syeikh Tahir al-Jazairi, ketika mendefinisikan hadis Sahih li Ghairihi, menyatakan: “Ia adalah hadis yang sanadnya bersambung pada kadar jiwa merasa tenang dengannya, serta ia bebas daripada unsur syaz dan ‘illah”¹⁴

Dan dasar kepada *Talqahu An-Nas Bil-Qabul* adalah ia dapat dianggap sebagai ijma sukuti yang bersifat zanni, dan ia juga termasuk di dalam perkara yang dianggap baik oleh para ulama islam.¹⁵

Namun adakah ia dapat dijadikan sebagai hujjah yang dapat menaikkan taraf sesebuah hadis daif? Apabila diteliti istilah *Talqahu Nas Bil-Qabul* yang digunakan oleh para ulama, tidak semua hadis yang diberi label ini memenuhi pensyaratan hadis maqbul seperti yang akan dijelaskan di bawah. Bahkan mereka juga menggunakannya pada hadis-hadis yang dinilai sebagai *daif*, namun mereka tetap mengamalkan atau mentakwilkannya. Oleh yang demikian, istilah *Talqahu Nas Bil-Qabul* ini seolah-oleh menjadi sebab kepada naiknya darjat hadis tersebut, sehingga membolehkan para ulama berinteraksi dengan hadis maqbul iaitu sama ada diamalkan atau pun diberikan takwil.

¹² Wadihah Abdul Hadi (2018). Al-Talaqqi Bil-Qubul Wa Asaruhu Fi Taqwiyati al-Hadis ad-Daif ‘inda al-Muhaddisin. *Majallah as-Syariah Wa Ad-Dirasat Al-Islamiyyah* 33(112). 155-204 .162

¹³ Zakaria al-Ansari (1991) *al-Hudud al-Aniqah wa al-Takrifat ad-Daqiqah*. Lubnan: Dar al-Fikr al-Muasir. 72

¹⁴ Muhammad al-Mufti (2017). Mafhum Talaqqa Ummah Bil Qabul Fi Naqdi Hadisi. *Majallah Jamiah As-Syariqah*. 248

¹⁵ Eymen Receb (2020) Ma Talaqathu al-Ummah bi al-Qabul. *Islam Hukuku Araştırmaları Dergisi, Journal of Islamic Law Studies* (36): 105–129, 111

***Talqahu An-Nas Bil-Qabul* sebagai penguat hadis daif**

Di antara kesepakatan para ulama hadis adalah, untuk menjadikan sesebuah hadis itu dapat diterima dan diamalkan, hadis tersebut mestilah memenuhi lima syarat iaitu :

- Sanad yang bersambung
- Perawi yang adil (kredibiliti dan kejujuran perawi)
- Perawi yang *Dobit*
- Tiada *syaz*
- Tiada *illah*

Maka jika sesebuah hadis yang diberikan komentar sebagai *Talqahu Nas Bil-Qabul* itu tidak menepati lima syarat ini, hadis tersebut tetap sahaja tidak boleh dinilai sebagai sahih. Ini lah yang disimpulkan oleh kebanyakan pengkaji kontemporari seperti Muhammad Al-Mufti (2017)¹⁶, Wadihah Abdul Hadi (2018)¹⁷, Amal Abdullah (2021)¹⁸, dan lain-lain lagi dan mereka memberikan perincian yang pelbagai, di dalam isu ini. Namun para ulama juga menetapkan bahawa ada beberapa *qarinah* yang dapat menaikkan taraf sesebuah hadis daif. Bahkan salah satu isu yang paling mustahak di dalam ilmu hadis pada hari ini ialah isu menaik taraf hadis daif dengan *syawahid* dan *mutabaat*, yang dapat menjadikan hadis tersebut *Hasan Li-Ghairhi*.¹⁹

Para ulama telah menggariskan beberapa perkara yang dapat menaikkan status sesebuah hadis, yang paling utamanya adalah melalui *syawahid* dan *mutabaat*. Namun mereka juga menggariskan beberapa perkara lagi, yang mana para ulama masih berselisih pendapat padanya, seperti perkataan sahabat, bertepatan hadis dengan ijma dan qiyas, bertepatan dengan dapatan kajian atau sejarah, dan lain-lain lagi. Dan diantaranya juga adalah *Talqahu Nas Bil-Qabul*.²⁰

Imam Ibnu Hajar juga telah memasukkan *Talqa Nas Bil-Qabul* ketika beliau memberikan penjelasan kepada kitab gurunya al-Iraqi, beliau menjelaskan, dan di antara sifat-sifat hadis maqbul yang tidak disebutkan oleh guru kita adalah bahawa para ulama telah bersepakat untuk mengamalkan sesebuah hadis, maka hadis itu juga adalah termasuk daripada hadis yang makbul, dan wajib beramal dengannya.²¹

Perkara ini dapat kita lihat, seperti yang dijelaskan oleh Imam Abu Bakar ar-Razi al-Jassas ketika memberikan komen terhadap hadis talaq hamba wanita, beliau berkata, Walaupun kedua-dua hadis ini datang dari jalur *Ahad*, tetapi ahli ilmu telah bersepakat untuk mengamalkan hadis ini dalam menetapkan bahawa iddah hamba perempuan adalah separuh daripada iddah wanita yang merdeka, ini membuktikan kesahihannya.²²

Imam Ibnu Abdil Bar di dalam kitabnya *at-Tamhid*, ketika berbicara mengenai hadis status air laut, beliau berkata, “Hadis yang memiliki sanad yang seperti ini tidak dijadikan hujjah oleh para ulama, pun begitu hadis ini adalah sahih di sisi ku, kerana para ulama telah *Talaqqahu Bil-Qabul* dan telah mengamalkannya. Dan tidak ada seorang pun ulama fiqah yang berbeza pendapat tentang kandungan hadis ini, perbezaan pendapat hanya terjadi pada sebahagian makna perinciannya seperti mana yang akan aku sebutkan insyaAllah.”²³

Imam Abu Bakar al-Khatib ketika membicarakan tentang hadis “Tiada wasiat kepada ahli waris”, “Laut itu suci airnya dan halal bangkainya”, dan beberapa hadis lain beliau mengatakan, hadis-hadis yang

¹⁶ Muhammad Al-Mufti (2017). *Maflum Talaqqa Ummah Bil Qabul Fi Naqdi Hadisi. Majallah Jamiah As-Syariqah*. 258

¹⁷ Wadihah Abdul Hadi (2018). *Al-Talaqqi Bil-Qubul Wa Asaruhu Fi Taqwiyati al-Hadis ad-Daif 'inda al-Muhaddisin. Majallah as-Syariah Wa Ad-Dirasat Al-Islamiyyah* 33(112). 155-204 .197

¹⁸ Amal Abdullah (2021) *Talaqqi al-Khabar bi al-Qabul wa Atharuhu fi al-Masail al-Usuliyyah, Journal of King Abdul Aziz University Arts and Humanities* 29(5): 67–106. 95

¹⁹ Hanaffie, Ahmad Kamil, Muhamad Rozaimi (2019). *Nazriyyah Taqwiyah Al-Hadis Bis-Syawahid Wa Al-Mutabaat Indal Muhaddisin (Theory of Strengthening of Status of Hadith Through al-Syawahid and al-Mutaba'at). Journal of Hadith Studies*, 43

²⁰ Muhammad bin Umar bin Salim (2004). *Taqwiyah Al-Hadis ad-Daif baina Al-Fuqaha wa al-Muhaddisin. Majallah Jamiah Umm al-Qura Lil Ulum Syariah Wa Al-Lughah al-Arabiyyah* (15). 216

²¹ Al-Asqalani (2013) *al-Nukat Ala Kitab Ibn al-Solah*. Saudi: Dar Al-Maiman. 1/494

²² Al-Jassas (1996) *Ahkam al-Quran*. Lubnan: Dar ihya al-Turath al-Arabi 2/56

²³ Ibn Abd al-Bar (1967) *At-Tamhid Lima Fil Muatta*. Dar al-Qutaibah, 16/218

seperti ini, walaupun tidak sabit jika dilihat dari sanadnya, akan tetapi oleh kerana hadis ini telah diterima oleh sebahagian besar ulama, daripada sebahagian besar ulama generasi lainnya, maka mereka menganggapnya sah tanpa perlu menyelidiki sanadnya lagi.²⁴

Daripada data yang dijelaskan di atas dapat kita simpulkan bahawa sebahagian para ulama memang menjadikan *Talqa Nas Bil-Qabul* sebagai salah satu kaedah yang dapat menaik taraf hadis daif kepada kedudukan hadis sahih. Dan cara mereka berinteraksi dengan hadis itu adalah sama dengan cara mereka berinteraksi dengan hadis yang sahih.

Seolah-olah *Talqahu An-Nas Bil-Qabul* ini dianggap sebagai kaedah alternatif kepada lima syarat hadis sahih, dan ramai para ulama hadis yang menetapkan sebagai salah satu qarinah yang dapat menguatkan hadis daif.²⁵

Namun Imam Hafiz Ibnu Hajar juga berkata, aku telah menemui tulisan Imam Haramain di dalam kitabnya al-Burhan, yang mana beliau telah menukulkan daripada Ustaz Abu Bakar Muhammad bin Hassan bin Furak yang menyebutkan keterangan seperti yang aku sampaikan yang mana mereka katakan bahawa hadis yang telah berkalu padanya *Talqa Ummah Bil-Qabul* akan menjadikan hadis itu ditetapkan sebagai hadis sahih.

Kemudian beliau memperincikan, jika umat bersepakat pada pengamalannya sahaja, maka hadis itu tidak dapat ditetapkan penisbahannya adalah benar kepada Rasulullah saw. Ini kerana boleh jadi mereka mengamalkannya kerana tanggapan mereka wajibnya beramal dengan hadis Ahad. Namun jika mereka bersepakat pada pengamalan dan penisbahan perkataan itu, maka hadis itu akan ditetapkan sebagai hadis yang sahih.²⁶

Perkataan Imam Ibnu Hajar ini memberikan isyarat bahawa makna hadis sahih yang digunakan oleh para ulama ketika menggunakan istilah *Talqa Nas Bil-Qabul* terkadang membawa pengertian yang berbeza, dari sudut kebolehan menisbahkan lafaz hadis itu kepada Rasulullah saw atau pun tidak. Ini mengisyaratkan kepada dua kaedah para ulama dalam berinteraksi dengan hadis sahih, iaitu kaedah ahli hadis dan kaedah ahli fiqh.

Istilah Hadis Sahih Di Sisi Ahli Hadis Dan Ahli Fiqah

Tujuan utama mempelajari ilmu hadis adalah untuk memahami dan mengamalkan setiap aspek kehidupan Rasulullah SAW. Demi mencapai tujuan ini, para ulama telah merumuskan kaedah-kaedah Mustalah Hadis untuk memastikan setiap hadis yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW memiliki asas yang kukuh. Perlu difahami bahawa ilmu Mustalah Hadis bukanlah ilmu yang muncul secara tiba-tiba atau diturunkan secara langsung, melainkan ia adalah sebuah disiplin yang berkembang dan disempurnakan secara berkesinambungan dari satu generasi ke generasi berikutnya.²⁷

Oleh itu, adalah wajar jika setiap ulama memiliki pendekatan tersendiri dalam memastikan dan menganalisis kesahihan hadis yang mereka yakini sebagai benar penisbahannya kepada Rasulullah SAW. Kaedah-kaedah ini kemudian disaring, diperbaiki, dan disusun oleh generasi setelah mereka, sehingga terbentuk sebuah cabang ilmu yang mandiri, iaitu Ilmu Mustalah Hadis.

Dalam proses penilaian kesahihan sebuah hadis, terdapat perbezaan metodologi antara ahli hadis dan ahli fiqh. Perbezaan ini mencerminkan keragaman pendekatan dalam memahami dan menilai hadis berdasarkan keperluan serta perspektif masing-masing disiplin ilmu.

Pada dasarnya istilah hadis sahih di sisi ahli hadis dan ahli fiqh adalah sama sahaja, melainkan pada dua perkara,

Pertamanya adalah, ahli fiqh tidak mewajibkan pada hadis sahih ternafi adanya *ellah* dan *syaz*, berbeza dengan ahli hadis yang menjadikan kedua perkara ini sebagai syarat yang membolehkan kesahihan sesebuah hadis hilang dengan adanya salah satu daripada dua perkara ini.

²⁴ Khatib al-Baghdadi (2000). *Al-Faqih Wa Al-Mutafaqqih Saudi: Darr Ibnu Al-Jawzi*. 1/473

²⁵ Wadihah Abdul Hadi (2018). *Al-Talaqqi Bil-Qubul Wa Asaruhu Fi Taqwiyati al-Hadis ad-Daif 'inda al-Muhaddisin. Majallah as-Syariah Wa Ad-Dirasat Al-Islamiyyah* 33(112). 155-204. 179

²⁶ Al-'asqalani (2013) *Al-Nukat Ala Kitab Ibn al-Solah*. Saudi: Dar Al-Maiman. 1/494

²⁷ Mahmud al-Tahhan (2002), *Taysir Mustolah al-Hadith*, Pakistan: Maktabah Al-Haramain, 10

Ini seperti yang dijelaskan oleh Imam Ibnu Daqiq al-Eid, “hadis sahih di dalam perbincangan para ahli fiqah adalah melihat kepada sifat adil perawi yang dinilai daripada perbuatan dan percakapan mereka, seperti mana syarat adil yang dibincangkan di dalam bab penerimaan kesaksian. Maka para ahli fiqah yang tidak menerima hadis mursal sebagai hujjah, akan menambahkan syarat musnad pada hadis sahih. Dan para ahli hadis pula menambahkan dua lagi syarat iaitu ketiadaan *ellah* dan *syaz*. Pada penambahan dua syarat ini, berlaku perbincangan di sisi para ahli fiqah”.²⁸

Yang **keduanya** adalah perkara utama yang dinilai oleh ahli fikah dalam menetapkan kesahihsan hadis adalah benarnya dan bertepatanannya makna dengan zahir pensyariatan.

Perkara ini dijelaskan oleh Imam Abu Bakar al-Hazimi, “perlu diketahui bahawa kedaifan sesebuah hadis dapat dilihat dari sudut yang bermacam-macam. Dan ahli ilmu berbeza-beza pendapat pada sebab-sebabnya. Adapun ahli fikah, asbab daif disisi mereka hanyalah beberapa sahaja, dan yang paling utamanya adalah keserasian sesebuah hadis dengan zahir pensyariatan. Adapun di sisi ahli hadis, mereka mempunyai beberapa asbab yang lain, yang tidak diambil kira oleh para ahli fikah.”²⁹

Kesan daripada dua perkara ini adalah sebagai contoh, apabila ditemukan sebuah hadis, yang salah seorang perawinya mengambil hadis tersebut daripada seorang syekh, dan tidak ada murid lain dari syekh tersebut yang meriwayatkan hadis yang sama (تقرّد الراوي من جهة روايته عن الشيخ) maka ahli hadis mungkin akan menganggap hadis tersebut sebagai hadis daif, namun tidak di sisi ahli fiqah.

Begitu juga sebaliknya, jika ada sebuah hadis yang menceritakan tentang sebuah kefarduan yang bersifat umum, namun hadis itu hanya diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja, maka ahli fikah akan menganggap hadis ini sebagai hadis daif, namun tidak di sisi ahli hadis.³⁰

Perkara ini seperti yang berlaku pada hadis Jabir r.a yang menjelaskan tentang kewajipan berwuduk sepelas memakan daging unta, para ulama hadis menilai hadis ini sebagai hadis yang sahih dan diriwayatkan di dalam dua kitab sahih, al-Bukhari dan Muslim. Manakala para ulama fikah berkata, Sesungguhnya perbuatan memakan daging unta adalah sesuatu yang umum sejak dari zaman sahabat r.hum lagi. Jika memang memakan daging unta dapat membatalkan wuduk, sudah tentulah perkara ini akan disampaikan oleh Rasulullah saw kepada para sahabat secara berulang-ulang kali. Dan jika perkara itu berlaku tentulah hadis ini akan diriwayatkan bukan hanya melalui satu atau dua orang sahabat sahaja.

Imam Nizamuddin as-Syashi berkata, sekiranya ada sebuah hadis yang orang ramai sangat perlu kepada hadis tersebut, dan hadis itu mengandungi hukum yang tidak dapat dielak oleh orang ramai, namun hadis tersebut tidak masyhur dikalangan para ulama, maka itu adalah petanda kepada tidak sahihnya hadis tersebut.³¹

Terkadang para ulama menggunakan istilah *Talqahu Nas Bil-Qabul*, lalu mensahihkan hadis tersebut, dengan merujuk kepada pengertian hadis sahih di sisi ahli hadis, dan terkadang merujuk kepada pengertian hadis sahih di sisi ahli fiqah. Membezakan kedua pengertian ini sangat penting dalam kita memahami dan berinteraksi dengan hadis-hadis yang diberi catatan sebagai *Talqa Nas Bil-Qabul* oleh para ulama.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kaedah *Talqahu Nas Bil-Qabul* memang telah digunakan oleh para ulama dalam berinteraksi dengan hadis. Namun, terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama mengenai kemampuannya untuk meningkatkan status hadis daif. Pendapat-pendapat tersebut dapat diringkaskan sebagai berikut:

Pendapat pertama: Menolak kaedah *Talqahu Nas Bil-Qabul* sebagai metode untuk meningkatkan status hadis daif.

Pendapat kedua: Berpendapat bahawa makna istilah sahih yang digunakan pada hadis daif yang diperkuat melalui kaedah ini adalah sama dengan makna hadis sahih menurut pandangan ahli hadis.

²⁸ Ibnu Daqiq al-Ed (2006) *Al-Iqtirah Fil Bayan Istilah*. Jordan: Darr Ulum. 215

²⁹ Al-Hazami (1984) *Syurut Al-Aimmah Al-Khamsah*. Lubnan: Darr al-Kutub Ilmiyyah. 71

³⁰ Muhammad bin Umar bin Salim (2004). *Taqwiyyah Al-Hadis ad-Daif baina Al-Fuqaha wa al-Muhaddisin*. *Majallah Jamiah Umm al-Qura Lil Ulum Syariah Wa Al-Lughah al-Arabiyyah* (15). 223

³¹ Nafisah Muhammad Mahdi (2019). *Asas Qubul al-Hadis Wa Raddihi Inda al-Muhaddisin wa al-Hanafiyyah*. *Majallah al-Bahas al-Ilmi Fil Adab* (20). 221

Mereka menjadikan *Talqahu Nas Bil-Qabul* sebagai kaedah alternatif terhadap lima syarat kesahihan hadis yang telah ditetapkan oleh para muhaddisin.

Pendapat ketiga: Menyatakan bahawa istilah sahih dalam konteks ini merujuk kepada definisi sahih yang digunakan oleh ahli fiqh, bukan definisi sahih yang digunakan oleh ahli hadis.

Analisis pendapat di dalam risalah

Syekh Abdul Fattah Abu Ghuddah telah memulakan risalah ini dengan menegaskan bahawa hadis yang boleh dijadikan hujjah di dalam menentukan sesebuah hukum (Hadis *Maqbul*) tidak terbatas kepada hadis sahih dan hadis hassan sahaja. Bahkan ia merangkumi beberapa jenis hadis lain lagi, yang salah satunya adalah *Talqa Nas Bil-Qabul*.

Beliau telah membawa 10 pandangan para ulama dalam menyokong kenyataan ini. 10 pandangan tersebut boleh diringkaskan berdasarkan dalam jadual berikut :

No	Ulama	Kitab	Komentar
1	Imam Suyuti	<i>Bahar al-lazi Zajar</i>	Termasuk daripada Hadis Maqbul juga adalah Hadis yang <i>Talqa Ulama Bil-Qabul</i> walau pun hadis tersebut tidak memiliki sanad yang sahih. ³²
		<i>Ta'aqqubat ala Mauduat</i>	Perkataan ini al-Tirmizi – para ulama hadis telah mengamalkan hadis ini – mengisyaratkan bahawa hadis ini telah dikuatkan dengan pendapat ahli ilmu. Dan tidak sedikit para ulama yang menjelaskan bahawa di antara tanda sesebuah hadis itu sahih, adalah ahli ilmu menggunakan hadis tersebut, walau pun hadis itu tidak memiliki sanad yang dapat dipertanggungjawabkan. ³³
		Tadrib ar-Rawi	“Sebahagian para ulama menegaskan, sesebuah hadis akan dinilai sebagai sahih apabila telah <i>Talqa Nas Bil-Qabul</i> , walaupun tidak memiliki sanad yang sahih”. ³⁴
2	Imam Ibnu Abdil Bar	Al-Istizkar	Hadis tentang kesucian air laut ini memiliki sanad yang tidak dapat diterima oleh ahli hadis. Namun hadis ini tetapi sahih di sisi ku, kerana para ulama telah <i>Talqa Hu Bil-Qabul</i> . ³⁵
		At-Tamhid	Hadis tentang satu dinar adalah 24 qirat ini, melihat kepada komentar ramai para ulama dan kesepakatan orang ramai terhadap makna hadis ini, menjadikan tidak perlu lagi kepada penelitian sanadnya. ³⁶
3	Imam Abu Ishaq Al-Isfarayini	Tidak dijelaskan	Kesahihan sesebuah hadis dapat diketahui apabila hadis itu telah masyhur di kalangan Imam-imam hadis, dan mereka tidak mengingkarinya. ³⁷
4	Imam Hassan al-Haddar	Taqrib al-Madarik	Terkadang seorang Faqih dapat mengetahui kesahisahan sesebuah hadis – selama mana di dalam sanadnya tiada kazzab – melalui keserasian makna hadis dengan ayat al-Quran, atau sebahagian usul-

³² As-Suyuti (1995). *Al-Bahar Allazi Zajar*. Saudi: Maktabah Al-Ghuraba Al-Asariyyah. 3/1277

³³ As-Suyuti (2004) *Ta'aqqubat as-Suyuti Ala Mauduaat Ibnu Al-Jauzi*. Saudi: Darr al-Makkah Al-Mukarramah. 90

³⁴ As-Suyuti (2010) *Tadrib Ar-Rawi Fi Syarh Taqrib An-Nawawi*. Saudi: Darr Ibn Al-Jawzi. 119

³⁵ Ibn Abd al-Bar (2000) *Al-Istizkar*. Lubnan: Darr Al-Kutub Al-ilmiyyah. 1/159

³⁶ Ibn Abd al-Bar (1967) *At-Tamhid Lima Fil Muatta*. Dar al-Qutaibah, 16/218

³⁷ As-Suyuti (2010) *Tadrib Ar-Rawi Fi Syarh Taqrib An-Nawawi*. Saudi: Darr Ibn Al-Jawzi. 20

			usul syariah. Lalu dia menerimanya dan beramal dengannya. ³⁸
5	Imam Ibnu Hajar	Al-Afsah ala Nukat	Di antara ciri-ciri hadis maqbul yang tidak disebutkan oleh al-Iraqi, bahawa para ulama bersepakat untuk mengamalkan madlul sesebuah hadis. Maka hadis itu dianggap Maqbul sehingga wajib mengamalkannya. Perkara ini telah dijelaskan oleh sebahagian besar para ulama usul. ³⁹
6	Imam Ibnu al-Qayyim al-Hanbali	Ar-Ruh	Diantara dalil yang penyokong perkara ini – mayat dapat mengetahui keadaan orang-orang yang hidup yang menziarahi dan mengucapkan salam kepadanya – adalah apa yang diamalkan oleh orang ramai sejak dahulu sampai sekarang, iaitu amalan talqin kepada jenazah di kuburnya. Di dalam masalah ini ada hadis yang dinilai sebagai daif, yang diriwayatkan oleh Abu Umamah. Walaupun hadis ini walaupun tidak sabit sanadnya, namun dengan tersebarnya pengamalan hadis ini ke segenap kota dan penjuru tanpa ada yang mengingkarinya, ini sedah memadai untuk membolehkan pengamalannya. ⁴⁰
7	Imam Al-Kamal bin Humam	Fath al-Qadir	Termasuk daripada perkara yang boleh mensahihkan hadis juga adalah amalan para ulama yang bersesuaian dengan hadis tersebut. Dan Imam Malik telah berkata, menjadi masyhurnya sesebuah hadis di Madinah, dapat menjadikan hadis itu tidak perlu kepada sanad yang sahih lagi. ⁴¹
8	Imam as-Syakhawi	Fath al-Mughis	Begitu juga hadis yang Talaqqat al-Ummah Bil-Qabul boleh diamalkan menurut pendapat yang sahih, bahkan ia boleh berada pada kedudukan hadis mutawatir yang boleh menaskhkan perkara yang telah ditetapkan (Maqtuk). Sepertimana perkataan Imam as-Syafie pada hadis tidak ada wasiat kepada ahli waris. ⁴²
9	Allamah Soleh al-Maqbili	Tidak dijelaskan	Apabila seorang muhaddis muta'khirin berkata hadis ini tidak sahih, maka yang dia maksudkan adalah tidak menepati syarat sahih yang khas (5 syarat). Dia tidak menafikan makna sahih yang umum (yang digunakan oleh Muhaddisin Mutaqaddimin, fuqaha dan usuliyyin iaitu hadis ini diamalkan). Maka hadis itu masih ada kemungkinan hadis itu Hassan, atau Daif, atau tidak boleh diamalkan. Maka perlu diteliti lagi tentang status hadis itu. Hadis Rasulullah saw tidak boleh ditolak semata-mata kerana pendapat yang masih muhtamal. ⁴³
10	Syekh Ibrahim As-Syibrulkhiti	Syarah al-Arbain al-Nawawiyyah	Yang dimaksudkan dengan tidak boleh beramal dengan hadis daif di dalam hukum adalah selama

³⁸ As-Suyuti (2010) *Tadrib Ar-Rawi Fi Syarh Taqrib An-Nawawi*. Saudi: Darr Ibn Al-Jawzi. 20

³⁹ Al-Asqalani (2013) *Al-Afsah Ala Nuqat Ibn As-Solah*. Saudi: Darr Al-Maiman. 299

⁴⁰ Ibnu al-Qayyim (2010) *Kitab Ar-Ruh*. Saudi: Darr Alim Al-Fawa'id. 1/32

⁴¹ Ibnu Al-Humam (1970) *Syarah Fath Al-Qadir Ala Hidayah*. Mesir: Mustafa Al-Bab Al-Halabi. 3/493

⁴² As-Syakhawi (2003) *Fath Al-Mughis Bisyarhi Alfiyyah Al-Hadis*. Mesir: Maktabah As-Sunnah. 1/350

⁴³ Al-Maqbili (1910) *Al-Alam Ash-Syamikh*. Mesir: Maktabah Syekh Al-Islam Hasan Husni. 692

			mana hadis itu tidak berlaku padanya Talqahu An-Nas Bil-Qabul. Jika berlaku, maka jelaslah hadis itu akan dianggap sebagai hujjah, dan boleh digunakan di dalam hukum-hakam dan selainnya. Ini seperti mana yang dijelaskan oleh Imam as-Syafie. ⁴⁴
--	--	--	--

Lalu beliau telah membawakan contoh 4 hadis yang berkalu padanya Talqa An-Nas Bil-Qabul,

	Matan Hadis	Kitab	Sebab Daif
1	من ذرعه القيء فليس عليه قضاء، ومن استقاء عمدا فليقض	Tarikh kabir Sunan al-Arba'ah Mustadrak al-Hakim	Hanya diriwayatkan dari jalur Isa bin Yunus dari Hisyam bin Hassan
2	أنهم كانوا مع النبي صلى الله عليه وسلم في مسير فانتبهوا إلى مضيق وحضرت الصلاة فمطروا السماء من فوقهم والبلدة من أسفل منهم فأذن رسول الله صلى الله عليه وسلم وهو على راحلته وأقام أو أقام فتقدم على راحلته فصلى بهم يومئذ إيماء يجعل السجود أخفض من الركوع	Sunan at-Tirmizi Musnad Ahmad Sunan Ad-Darulqutni	Hanya diriwayatkan oleh Umar bin Rumman al-Balkhi
3	حضرت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقيد الاب من إبنه ولا يقيد الابن من أبيه	Sunan Tirmizi	Di dalam sanadnya ada Al-Musanna bin as-Sobbah
4	القاتل لا يرث	Sunan Tirmizi	Di dalam sanadnya ada Ishak bin Abdullah bin Abi Furwah

Kesemua hadis yang beliau bawakan ini, adalah hadis yang dinilai sebagai daif melalui kaedah mustalah al-Hadis, namun para ulama berinteraksi dengan hadis-hadis ini dengan cara berinteraksi dengan hadis sahih kerana hadis-hadis ini diberikan catatan *Talqahu Nas Bil-Qabul*.

Kemudian beliau telah menutup risalah ini dengan perkataan Imam al-Asr Ash-Syekh Muhammad Anwar Shah Kasymiri di dalam kitabnya *Faid Al-Bari* syarah kepada Sahih al-Bukhari, ketika beliau membicarakan tentang sebuah bab yang Imam al-Bukhari namakan sempurna sebuah hadis yang dinilai sebagai daif, iaitu bab لا وصية لوارث (Tiada lagi wasiat kepada ahli waris). Beliau katakan, Hadis yang digunakan oleh Imam Al-Bukhari ini adalah hadis yang daif dengan kesepakatan para ulama, namun hukumnya tetap sabit melalui ijma. Kerana itulah hadis ini tetap digukan oleh Imam Al-Bukhari.

Namun adakah sesebuah hadis yang daif dapat menjadi sahih jika bertepatan dengan pegangan ijma?

Pendapat yang masyhur dikalangan para ulama masa kini, adalah tidak! Hadis itu akan tetap berada pada kedudukannya yang asal. Kerana yang menjadi asas kepada status sesebuah hadis adalah sanadnya. Dan sanad yang ada perawi daif tidak dapat ditukar statusnya kepada sahih.

Akan tetapi sebahagian para ulama berpendapat, apabila sesebuah hadis disokong oleh pengamalan (para ulama), maka hadis itu dapat dinaikkan statusnya kepada hadis maqbul. Dan pendapat inilah yang lebih tepat di sisiku. sekalipun perkara ini mungkin dianggap berat bagi para pelampau pengkaji sanad. Aku juga memang pernah menghadapi kekerasan mereka dalam menolak pendapat ini dengan alasan kononnya merekalah yang paling tegas, paling cermat dan paling teliti dalam menilai sanad.

Di sisi ku tetaplah mengambil kira apa yang sebenarnya terjadi adalah lebih utama daripada menggunakan kaedah-kaedah. Kerana kaedah-kaedah mengetahui hadis sahih ini dibuat adalah untuk

⁴⁴ As-Syibrulkhiti (2018) Al-Futuhah Al-Wahbiyyah Bi Syarh Al-Arbain An-Nawawiyyah. Kashidah Lin-Nasyri Wa At-Tawzik .101

menghalang perkataan-perkataan yang tersebar, yang belum jelas penisbahannya, lalu disaring menggunakan kaedah ini. Maka mengikut apa yang telah pun berlaku adalah lebih utama, dan memeliharanya adalah lebih utama.

Beliau juga membawa perkataan gurunya Syekh Yusuf al-Binori yang juga merupakan murid utama Syekh Anwar Kasymiri. Guru kami berkata, Tujuan daripada meneliti sanad hadis adalah supaya kita dapat menghalang daripada masuk ke dalam agama perkara-perkara yang bukan dari sumbernya, bukan untuk kita mengeluarkan perkara yang memang sudah sabit daripadanya.

Kesimpulan kajian

Kaedah *Talqa Nas Bil-Qabul* untuk menaik taraf hadis daif adalah salah satu kaedah yang diusulkan dan digunakan oleh para ulama kita dari sejak awal penyusunan ilmu hadis lagi. Namun, kaedah ini tidak dibincangkan secara mendalam oleh para ulama, sehingga menimbulkan persepsi bahawa ia bertentangan dengan syarat-syarat hadis sahih yang telah disepakati oleh para *muhaddisin*. Riaksi para ulama terhadap kaedah ini adalah

1. Menolak kaedah ini sebagai penaik taraf hadis daif.
2. Menerima kaedah ini untuk menaik taraf hadis daif kepada sahih, namun sahih yang digunakan oleh ahli fikah, bukan ahli hadis.
3. Menerima kaedah ini sebagai penaik taraf hadis daif dengan istilah ahli hadis. Dan Syekh Abdul Fattah Abu Ghuddah di dalam risalah ini bersetuju dengan pendapat ke tiga ini.

Rujukan

- [1] Mahmud Sa'id Mamduh (2009), *al-Syaza al-Fawwah min Akhbar al-Syeikh 'Abd al-Fattah*, Kaherah : Dar al-Basair.
- [2] Soroni, M. K. (2013). Pemikiran dan kritikan Syeikh 'Abd Al-Fattah Abu Ghuddah dalam beberapa isu 'ulum al-hadith. *Fitrah Islami Online*, 47-77. Diperoleh daripada: <https://adoc.pub/pemikiran-dan-kritikan-syeikh-abd-al-fattah-abu-ghuddah-dala.html>
- [3] Abd Fattah Abu Ghuddah (2009). *At-Takliqat Al-Hafilah Ala Al-Ajwibah Al-Fadilah*. Syira: Dar As-salam.
- [4] Mahmud al-Tahhan (2002), *Taysir Mustolah al-Hadith*, Pakistan: Maktabah Al-Haramain,
- [5] Eymen Receb (2020) Ma Talaqqathu al-Ummah bi al-Qabul. *Islam Hukuku Araştırmaları Dergisi, Journal of Islamic Law Studies* (36) 105-129. Diperoleh daripada: <https://dergipark.org.tr/en/pub/ihad/issue/71622/1151089>
- [6] Zarkashi (1998) *al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn Solah*. Saudi: Adwa as-Salaf
- [7] Abdullah bin Ahmad (1981). *Masail Al-Imam Ahmad bin Hambal Riwayatu Ibnihi*. Lubnan: Al-Maktabah Al-Islami.
- [8] Al-Khallal (1989). *Kitab al-Sunnah*. Saudi: Dar ar-Rayah
- [9] Muhammad Al-Mufti (2017). Mafhum Talaqqa Ummah Bil Qabul Fi Naqdi Hadisi. *Majallah Jamiah As-Syariah*. 239-262. Diperoleh daripada: <https://search.emarefa.net/detail/BIM-871584>
- [10] Wadihah Abdul Hadi (2018). Al-Talaqqi Bil-Qubul Wa Asaruhu Fi Taqwiyyati al-Hadis ad-Daif 'inda al-Muhaddisin. *Majallah as-Syariah Wa Ad-Dirasat Al-Islamiyyah* 33(112). 155-204 <https://doi.org/10.34120/jsis.v33i112.2511>
- [11] Zakaria al-Ansari (1991) *al-Hudud al-Aniqah wa al-Takrifat ad-Daqiqah*. Lubnan: Dar al-Fikr al-Muasir.
- [12] Amal Abdullah (2021) Talaqqi al-Khabar bi al-Qabul wa Atharuhu fi al-Masail al-Usuliyyah, *Journal of King Abdul Aziz University Arts and Humanities* 29(5): 67–106. Diperoleh daripada: https://www.kau.edu.sa/Files/320/Researches/74046_47208.pdf
- [13] Hasin, H., Jamilin, A. K., & Ramle, M. R. (2019). نظرية تقوية الحديث بالشواهد والمتابعات عند المحدثين: Theory of Strengthening the Status of Hadith Through al-Syawahid and al-Mutaba'at. *Journal Of Hadith Studies*, 4(1). <https://doi.org/10.33102/johs.v4i1.64>
- [14] Muhammad bin Umar bin Salim (2004). Taqwiyyah Al-Hadis ad-Daif baina Al-Fuqaha wa al-Muhaddisin. *Majallah Jamiah Umm al-Qura Lil Ulum Syariah Wa Al-Lughah al-Arabiyyah* (15).

- [15] Yusuf al-Qaradawi (2019), Abd al-Fattah Abu Ghuddah : Allamah al-Hadith wa al-Fiqh wa al-Lughah wa al-Da'wah, <https://iumsonline.org/ar/ContentDetails.aspx?ID=9622>.
- [16] Yahya, M.A., 2016. Sumbangan Ahl Al-Hadith Dan Peranannya Dalam Membangun Ketamadunan Islam. *Journal Of Hadith Studies*.
- [17] Al-Asqalani (2013) *al-Nukat Ala Kitab Ibn al-Solah*. Saudi: Dar Al-Maiman.
- [18] Al-Jassas (1996) *Ahkam al-Quran*. Lubnan: Dar ihya al-Turath al-Arabi
- [19] Ibn Abd al-Bar (1967) *At-Tamhid Lima Fil Muatta*. Dar al-Qutaibah
- [20] Khatib Al-Baghdadi (2000). *Al-Faqih Wa Al-Mutafaqqih* Saudi: Darr Ibnu Al-Jawzi.
- [21] Ibnu Daqiq al-Ed (2006) *Al-Iqtirah Fil Bayan Istilah*. Jordan: Darr Ulum.
- [22] Al-Hazami (1984) *Syurut Al-Aimmah Al-Khamsah*. Lubnan: Darr al-Kutub Ilmiyyah.
- [23] Nafisah Muhammad Mahdi (2019). Asas Qubul al-Hadis Wa Raddihi Inda al-Muhaddisin wa al-Hanafiyyah. *Majallah al-Bahas al-Ilmi Fil Adab* (20).
- [24] As-Suyuti (1995). *Al-Bahar Allazi Zajar*. Saudi: Maktabah Al-Ghuraba Al-Asariyyah.
- [25] As-Suyuti (2004) *Ta'aqqubat as-Suyuti Ala Mauduaat Ibnu Al-Jauzi*. Saudi: Darr al-Makkah Al-Mukarramah
- [26] As-Suyuti (2010) *Tadrib Ar-Rawi Fi Syarh Taqrib An-Nawawi*. Saudi: Darr Ibn Al-Jawzi.
- [27] Ibn Abd al-Bar (2000) *Al-Istizkar*. Lubnan: Darr Al-Kutub Al-ilmiyyah.
- [28] Ibn Abd al-Bar (1967) *At-Tamhid Lima Fil Muatta*. Dar al-Qutaibah.
- [29] Ibnu al-Qayyim (2010) *Kitab Ar-Ruh*. Saudi: Darr Alim Al-Fawaid. 1/32
- [30] Ibnu Al-Humam (1970) *Syarah Fath Al-Qadir Ala Hidayah*. Mesir: Mustafa Al-Bab Al-Halabi.
- [31] As-Syakhawi (2003) *Fath Al-Mugish Bisyarhi Alfiiyyah Al-Hadis*. Mesir: Maktabah As-Sunnah
- [32] Al-Maqbili (1910) *Al-Alam Ash-Syamikh*. Mesir: Maktabah Syekh Al-Islam Hasan Husni.
- [33] As-Syibrulkhiti (2018) *Al-Futuh al-Wahbiyyah Bi Syarh Al-Arbain An-Nawawiyyah*. Mesir: Kashidah Lin-Nasyri Wa At-Tawzik